



Membudayakan penyelidikan di AeU

➤ *Peserta berpuas hati seminar perkaya pengetahuan pembentangan laporan*

Dalam usaha merealisasikan Asia e University (AeU) sebagai sebuah universiti antarabangsa yang berdaya saing dalam menghasilkan kajian ilmiah yang bermanfaat, satu seminar berkenaan Hasil Kajian Pelajar dianjurkan dengan jayanya pada 17 Mei 2015 lalu.

Seminar sehari yang bertempat di kampus utama AeU di Kuala Lumpur ini dirasmikan Timbalan Presiden, Prof Dr Hairudin Harun dan dihadiri hampir 150 peserta meliputi pelajar dan pemerhati dari seluruh pelosok negara.

Sejumlah 28 kertas dibentangkan pada seminar ini. Antaranya pembentangan kertas kerja oleh warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Selangor (UNISEL), Universiti Nilai, Tunku

Abdul Rahman University College (TARC) dan Institut Islam Hadhari, UKM.

Chow Chee Kong, pelajar AeU program Sarjana Pendidikan yang juga jurutera dari Pulau Pinang membentangkan kertas bertajuk "Penyelidikan kualitatif berkenaan pengajaran dan pembelajaran matematik melalui kaedah bermain secara sosio-dramatik oleh kanak-kanak berumur lima tahun di dalam suasana semulajadi".

Kajian beliau memperhalusi suasana pembelajaran melalui kaedah bermain yang sangat sinonim dalam kalangan kanak-kanak adalah satu peluang kajian mendalam yang unik dan sangat berharga.

Turut membentangkan laporan kajian berkenaan aspek pendidikan adalah Kalavathy Raman yang menumpukan pengkajian Teori Beban Kognitif (CLT) berbanding kaedah pengajaran dan pembelajaran konservatif.

Relatifnya, hampir semua peserta seminar sependapat tentang manfaat seminar ini dan berpuas hati dengan kandungan program yang mampu memperkayakan pengetahuan peserta



Peserta yang menghadiri Seminar Hasil Kajian Pelajar di kampus utama AeU Kuala Lumpur.

berkenaan kaedah penyelidikan dan pembentangan laporan.

Manfaat secara langsung Pensyarah Kanan dari UNISEL, Ang Kwang Teo, pelajar program Doktor dalam Pentadbiran Perniagaan (DBA) di AeU berpendapat seminar ini adalah lebih dari sekadar memberi manfaat secara langsung kepada pelajar.

"Seminar sebegini memberi manfaat kepada tiga pihak - pe-

nyelia penyelidikan kerana ia memberi input dalam memantau pelajar di bawah seliaan mereka; pelajar, kerana mereka memperoleh pengalaman yang boleh mereka kongsi dengan rakan sepekerjaan yang lain dan kepada pelajar baharu kerana seminar sebegini akan memberi pengalaman langsung kepada mereka tentang maksud dan kaedah penyelidikan yang sebenar dan memperbetulkan persepsi ten-

tang penyelidikan yang selalunya dianggap rumit dan membosankan," ujar Kwang Teo.

Pembentang kertas penyelidikan berkenaan Khidmat Pelanggan di POS Malaysia, Yeop Ali Dobi yang juga pelajar program DBA di AeU gembira dapat berkongsi hasil penyelidikan dan pengalaman dengan peserta lain.

Bagi Cindy Lim Suan Choo, seminar yang dianjurkan adalah usaha mempromosikan penyelidikan sebagai budaya dalam kalangan pelajar. Beliau yang juga pengetua di sebuah TADIKa di Jelutong, Pulau Pinang adalah pelajar AeU program Sarjana Pendidikan yang turut membentangkan kertas kerja bertajuk 'Kaedah-Kaedah Kreatif dalam Mewujudkan Penulis Berbakat di Prasekolah'.

Ada tiga sesi pengambilan setiap tahun iaitu pada Januari, Mei dan September. Pengambilan September 2015 kini dibuka. Pun begitu, pendaftaran bagi program pasca siswazah (berasaskan penyelidikan) pengambilan adalah dibuka sepanjang tahun. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 1-300-300-238 atau memohon secara dalam talian di www.aeu.edu.my.